



**KENYATAAN RASMI MUFTI NEGERI PULAU PINANG  
KEDUDUKAN SAF SOLAT JEMAAH KETIKA PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP COVID-19)**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah bersidang pada 22 April 2020 bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

- i. Diharuskan solat berjemaah secara berjarak-jarak bagi makmum dengan makmum yang bersebelahan pada waktu wabak sekiranya solat berjemaah itu masih lagi selamat daripada penularan wabak.
- ii. Pandangan hukum ini turut berkait dengan jarak saf solat berjemaah yang dilakukan oleh para imam, bilal dan siak bagi pelaksanaan solat berjemaah di masjid, surau, hospital dan tempat-tempat yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang menempatkan pesakit yang dikuarantin dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.
- iii. Susunan saf adalah seperti ketetapan berikut: -
  - (a) Imam berada di hadapan seperti dalam solat jemaah biasa.
  - (b) Jarak di antara imam dan makmum adalah satu (1) meter dan jarak di antara para makmum juga adalah satu (1) meter.

Sekian, dimaklumkan.

**(DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR)**

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa

**22 April 2020 / 28 Syaaban 1441H**